

# TAKHTA KERAJAAN

*Negeri Sembilan*



||  
oleh:

*Abdul Samad Idris*

# **TAKHTA KERAJAAN NEGRI SEMBILAN.**



**DI-KARANG, DI-SUSUN  
DAN  
DI-TERBITKAN**



**OLEH:**

**ABDUL SAMAD IDRIS,**  
*(HAK PENGARANG TERPELIHARA)*



## DAFTAR ISI-NYA.

|  | <b>Muka.</b> |
|--|--------------|
| 1. Asal nama Seri Menanti  | ... 5.       |
| 2. Negeri Sembilan Sa-belom beraja   | ... 11.      |
| 3. Kematian Dato' Penghulu Naam  | ... 15.      |
| 4. Asal Orang Empat Istana   | ... 18.      |
| 5. Asal Nama Negeri Sembilan   | ... 25.      |
| 6. Ganti Raja Melewar  | ... 28.      |
| 7. Perang dengan Dato' Kelana dan Inggeris   | ... 32.      |
| 8. Inggeris mula menchekam   | ... 40       |
| 9. Perjanjian Yam Tuan Seri Menanti dengan Undang Yang Empat dan Inggeris            | ... 46.      |
| 10. Peratoran menabalkan Yang di-Pertuan, N. S.                                      | ... 55.      |
| 11. Riwayat Tuanku Muhammad Shah   | ... 65.      |
| 12. Kemangkatan Tuanku Muhammad  | ... 68.      |
| 13. Riwayat rengkas almarhum Tuanku A. Rahman  | ... 76.      |
| 14. Yang Maha Mulia Tuanku Menawir   | ... 81.      |
| 15. Pergadohan ketika melantek Tengku Imam Janggot                                   | 86.          |
| 16. Peratoran menabalkan yang di-Pertuan Besar, N. Sembilan.                         | ... 90.      |
| 17. T. Durah T. Ampuan Negeri Sembilan.  | ... 104.     |
| 18. Istiadat Penghulu2 mengadap.   | ... 109.     |
| 19. Perjanjian di-Antara Yang di-Pertuan Besar Seri Menanti dengan Undang Yang Empat | ... 119.     |
| 20. His Hinghness Tuanku Menawir   | ... 121.     |
| 21. Hak Raja dan pantang larang-nya  | ... 125.     |



Penyusun dan pengarang buku ini mengucapkan sa-tinggi2 tahniah dan daulat dergahayu ka-pada D. Y. M. M. Tuanku Munawir, D. M. N., S. P. M. B., dan Tuanku Ampuan Durah menaikki takhta singgahsana Kerajaan Negeri Sembilan.

Mudah-mudahan Tuhan lanjutkan usia zaman Baginda sehat walafiat memerentah dengan adil dan seksama yang akan memberikan kebahagiaan dan kemaamoran kapada raayat dan negara.


Achapan Pertabalan Duli Y.M.M.

Yang di-Pertuan Besar Tuanku  
Munawir S. M. N., S. P. M. B.

dan

Tuanku Ampuan N. Sembilan

dari:



**GUTHRIE & COMPANY**

**LIMITED,**



**SEREMBAN, N. S.**

## SEKAPOR SIREH.

Alhamdulillah dengan inayah Tuhan yang maha kuasa, maka dapat-lah saya menyusun buku yang kecil ini untuk dipersembahkan kapangkuan saudara2 terutama dan istimewa kapada mereka yang menchintai sejarah tanah ayer-nya. Saya mengaku dengan sa-sungguh-nya ada-lah buku yang di-beri nama "Takhta Kerajaan Negeri Sembilan" ini ada-lah sa-buah buku yang sama sekali belum lengkap dan saya sendiri merasa belum puas hati di-atas-nya, baik isi-nya begitu jua susunan yang mengenai teknik dan jua penggal2 yang terkandung di-dalam-nya, insha-Allah sa-kira-nya buku ini mendapat sambutan dari penggemar-nya akan di-usahakan dengan sa-baik-nya2 bila perchetakan yang kedua kali-nya nanti.

Selain dari bertujuan hendak menuliskan chatetan2 sejarah yang selama ini bermain dari mulut ka-mulut orang tua2 sahaja, maka saya persembahkan buku ini kapada keturunan kita akan datang sekurang-nya sebagai bahan penyiasat bagi mereka untuk menyelami lagi sedalam-nya2 lubok sejarah kampong halaman dan tanah ayer-nya yang selama ini ada-lah di-tuliskan orang2 yang bukan-nya ra'rat negeri ini.

Buku ini telah saya karang dan susunkan sa-telah mendapat bahan2 dari beberapa segi, ia-itu dari perchakapan mulut ka-mulut orang tua2, keterangan2 yang di-beri dari mereka yang maseh ingat dan lagi dari buku chatatan istana yang maseh ada tersimpan dengan baik-nya. Apa yang menarek hati dari beberapa perkara yang saya anggap penting, ia-lah tulisan perjanjian2 yang di-buat dalam kurun yang ka-sembelan belas, ketika mana belum ada sa-buah sekolah pun terdiri dalam negeri ini, menilik dari jalan bahasa yang di-karang oleh orang tua2 zaman itu sa-sungguh-nya mengkagumkan kita jika di-bandingkan dan di-nilai dari pelajaran dan keadaan zaman-nya, akan tidak kena-lah pada tempat-nya dan bagi mereka yang tidak menghargai usaha sa-saorang sahaja-lah yang akan menganggap sepi akan kebijaksanaan orang tua2 dahulu dalam karang mengarang dan surat menyurat dalam bahasa-nya.

Tidak lupa saya mengucapkan berbanyak2 terima kaseh kapada Y. T. M. Tengku Besar Burhanudin dan Y. B. Dato' Penghulu Dagang Adam bin Yusoff Orang Empat Istana yang telah memberikan beberapa bahan yang berguna untok saya menyusun buku ini, begitu juga kapada yang berkenaan di-Istana Besar Seri Menanti yang telah menolong saya memberikan beberapa kemudahan untok mendapatkan beberapa bahan yang mustahak. Kapada sidang pembacha yang mulia, saya mendahului menghulorkan tangan meminta maaf di-atas beberapa kesilapan yang akan tuan2 temui dalam masa membacha nanti, anggap-lah kesalahan2 yang di-temui itu sebagai satu kesilapan yang tidak di-sengajakan dan berlaku sechara kebetulan jua.

Seri Menanti,  
Negeri Sembilan,  
1 hb. April, 1961.

Salam hormat dan taazim dari saya.  
Abdul Samad Idris.





**Duli Y.M.M. Tuanku Munawir S.M.N., S.P.M.B.**  
*Gambar 1959.*



## ASAL NAMA NEGERI SEMBILAN.

Sa-telah Raja Melewar sampai ka-Seri Menanti, maka bersemayam-lah Baginda di-sabuaah istana sementara yang di-panggil "Barong2" di-satu tempat bernama Ampang Rambai (tempat ini terletak di-saberang sawah yang bertentangan dengan istana yang ada sekarang, tapak bekas bangunan-nya maseh kedapatan lagi hingga sekarang ini.)

Saperti kesah yang di-sebutkan terdahulu, bahwa sa-belum Raja Melewar menjadi Raja Negeri Sembilan, daerah yang di-sebut Negeri Sembilan itu ada-lah di-bawah pemerentahan Sultan Johor dan masing2 Luak telah sedia ada Penghulu2, Undang dan Orang2 Besar-nya yang di-beri kuasa oleh Sultan Johor memerintah di-Luak masing2. Daerah Kelang dan Naning Penghulu-nya yang pertama ada-lah orang yang datang dari Minangkabau, kemudian-nya baharu-lah berikut dari anak2 tempatan sendiri.

Sa-telah Raja Melewar di-beri kuasa penuh oleh Sultan Johor merajai daerah2 Negeri Sembilan itu maka Dato'2 Penghulu Luak dan Dato'2 Undang yang sedia itu pun putuslah perhubungan-nya dengan Sultan Johor dan menumpukan pula taat setia-nya ka-pada Raja Melewar.

Tidak ada tersebut dalama mana2 buku sejarah yang di-karang orang bila-kah tarikh yang sabenar-nya daerah2 atau luak2 dalam Negeri Sembilan itu bersatu dan di-namakan Negeri Sembilan, demikian jua akan nama2 luak atau negeri2 yang bersatu itu.

Tuan J. E. Nathan dan R. O. Winstedt dalam buku-nya "Papers on Malay Subjects" ada menyebutkan keraguan-nya tentang nama beberapa buah negeri yang di-namakan Negeri Sembilan itu, terutama-nya daerah Jelai dan Ulu Pahang dan kedua-nya tidak menyebut lansong akan tarikh bersatu-nya sembilan buah negeri itu. Tetapi di-sini boleh-lah di-agakkan persatuan ini berlaku pada tahun 1773 atau kemudian dari itu, ia-itu satelah Raja Melewar menjadi Raja. Sa-belum Sultan Johor menyerahkan daerah2 yang dahulu-nya di-bawah pemeren-

tah-nya itu kepada Raja Melewar, maka daerah2 atau luak2 yang tersebut ada-lah berdiri dengan luak-nya masing2 di-bawah pentadbiran Sultan Johor sendiri. Jika benar demikian nyata-lah persatuan yang melahirkan Negeri Sembilan ini sudah tentu-lah di-lakukan dengan kehendak Raja Melewar sendiri supaya menjadi satu negeri yang di-bawah perentah-nya.

Tetapi mana2-kah negeri yang telah di-satukan itu? Menurut Tuan Nathan dan Winstedt ia-lah: 1. Sungai Ujong 2. Jelebu. 3. Rembau 4. Naning 5. Kelang 6. Segamat 7. Pasir Besar (nama ini bertukar kemudian dengan nama Johol) 8. Jelai (sekarang Inas) dan 9. Ulu Pahang yang terletak di-antara Serting dan Temerloh.

Menurut keterangan dari Tengku Besar Burhanudin pula, bahwa negeri Sembilan itu ada-lah persatuan dari Luak2: Kelang - Naning-Sungai Ujong - Johol-Ulu Muar-Jempol-Terachi-Gunong Pasir dan Inas. sebab kesembilan2 luak ini masing2 ada mempunyai Penghulu-nya. Akan Jelebu dan Rembau menurut Tengku Besar, tidak termasuk dalam bilangan ini kerana dua luak ini tidak mempunyai Penghulu2 melainkan ada ketua yang di-namakan Yamtuan Muda. Kedua2 Yamtuan Muda ini berasal dari anak2 Raja belaka. Yamtuan Muda Jelebu bernama Raja Adil ada-lah adek Raja Melewar sendiri dan Yamtuan Muda Rembau bernama Raja Asil ada-lah anak dari Raja Adil Yamtuan Muda Jelebu, (Yamtuan2 Muda ini kemudian-nya terhapus dan ketua2 Luak itu berganti dengan Dato'2 Undang saperti yang ada sekarang ini, riwayat-nya akan di-sebutkan kemudian).

Akan kedudokkan Naning masa itu sa-bagai sa-buah daerah daripada Negeri Sembilan sangat-lah meragukan kerana menurut Sejarah Melayu oleh Che'gu Buyong Adil dan Che'gu Abdul Hadi, bahwa Naning telah di-serahkan oleh Sultan Johor kepada Belanda di-Melaka pada tahun 1757 ia-itu sa-belum Raja Melewar merajai Negeri Sembilan, sabelum itu di-sebutkan-nya juga Naing telah tertaalok di-bawah perentah Belanda. Sa-kira-nya keterangan ini boleh di-pegang, maka sudah tidak dapat di-perchayai lagi bahwa Naning termasuk satu daerah Negeri Sembilan kerana sudah tentu tidak mungkin

Penghulu Naning akan dapat menyatukan diri-nya dengan Raja Melewar sa-kira-nya luak-nya telah di-perintah oleh Belanda.

Akan keterangan yang di-berikan oleh Tengku Besar berdasarkan ada-nya Penghulu Luak di-daerah2 yang di-satukan itu dengan mengechualikan Luak Jelebu dan Rembau susah juga hendak di-pegang, kerana walau pun kedua2 luak itu mempunyai Yamtuan2 Muda tentu-lah tidak pula ber-arti bahwa luak2 itu tidak boleh bersatu atau bergabung dengan lain2 luak itu dan tidak ada satu2 sebab pula kenapa ia tidak harus bersatu dan patuh di-bawah perintah Raja Melewar. Sebab Luak Jelebu dan Luak Rembau ada-lah luak yang besar dan mempunyai penduduk yang ramai bilangan-nya.

Begitu juga Luak Jelai, Ulu Pahang dan Pasir Besar yang di-sebutkan oleh Tuan Nathan dan Winstedt termasuk dalam pergabungan daerah2 Negeri Sembilan itu, pendapat ini agak susah juga hendak di-pegang kebenara-nya kerana ketiga2 luak ini selain dari jauh kedudokkan-nya tidak pula ada tersebut atau kedapatan Penghulu2 Luak yang memerintah luak itu. Jelai terletak dalam Negeri Pahang, Ulu Pahang pula tidak di-ketahui dimana dan apa negeri atau daerah-nya sekarang ini, begitu juga Pasir Besar meski pun ada juga penduduk-nya di-sana tetapi amat-lah sedikit bilangan-nya, keterangan yang di-sebutkan kemudian-nya bertukar dengan nama Johol itu juga payah dapat di-chari kebenarannya kerana nama Pasir Besar itu maseh ada lagi sekarang ini dan dudok-nya di-antara dua tempat ini amat-lah jauh pula.

Selain dari itu kedudokkan Luak Gunong Pasir juga dapat di-sangsikan kerana Luak ini amat kecil dan sebahagian pula termasuk dalam Luak Muar dan dudok-nya pula sangat hampir dengan Seri Menanti. Seri Menanti ketika itu sebahagian daripadanya termasuk dalam Luak Johol dan sebahagian lagi termasuk dalam Luak Muar.

Dari beberapa keterangan ringkas ini dapat menguatkan keyakinan saya bahwa daerah2 atau yang di-sebut negeri yang bergabung menjadikan Negeri Sembilan itu ada-lah terdiri negeri2 yang tersebut di-bawah ini:- 1. Kelang 2. Sungai Ujong 3. Jelebu 4. Johol 5. Rembau 6. Ulu Muar 7. Jempol 8. Terachi dan 9. Inas.

# SALAH CHETAK.

| MUKA SURAT | BARIS     | SALAH                                   | BETOL   |
|------------|-----------|---|---|
| 1          | 19        | di-tuliskan orang <sup>2</sup> , ra'rat | di-tuliskan oleh orang <sup>2</sup> , ra'ayat |
| 5          | 2         | Menananti                               | Menanti                                       |
| 5          | 27        | selaian                                 | selain  |
| 5          | 28        | melaui                                  | melalui                                       |
| 7          | 15        | kterangan                               | keterangan                                    |
| 9          | 5         | menyemnda-lah                           | menyemenda-lah                                |
| 9          | 6         | suka                                    | suku  |
| 11         | 35        | mangodap                                | mengadap                                      |
| 12         | 20        | menguruniakan                           | mengurniakan                                  |
| 16         | 29        | Dtao'                                   | Dato'   |
| 17         | 9         | hama                                    | nama  |
| 19         | 29        | duli Maha Mulie                         | Duli Yang Maha Mulia                          |
| 19         | 35        | benar-nya belaka-kah                    | benar-nya saudara belaka-kah                  |
| 20         | 10        | thu                                     | tahu  |
| 20         | 14        | kemudaian                               | kamudian                                      |
| 20         | 15        | sebilan                                 | sembilan                                      |
| 21         | 28        | kapeda Orong                            | kapada Orang                                  |
| 21         | 31        | isteri                                  | isteri  |
| 25         | 21        | dalama                                  | dalam   |
| 26         | 16        | sebab                                   | Sebab   |
| 26         | 34        | Naing                                   | Naning  |
| 29         | 12        | puetra                                  | putra   |
| 31         | 8         | berumpr                                 | berumor                                       |
| 32         | salasilah | T. Ulin                                 | T. Alin                                       |
| 32         | 27        | mennati                                 | menanti                                       |
| 34         | 9         | Mennati                                 | Menanti                                       |
| 36         | 17        | Ibn                                     | Ibni  |
| 44         | 16        | kerjaan                                 | kerajaan                                      |
| 44         | 22        | Mohhammad                               | Muhammad                                      |
| 46         | 18        | tabdir                                  | tadbir  |
| 46         | 22        | Superntendent                           | Superintendent                                |
| 51         | 6         | boleh                                   | boleh   |
| 51         | 13        | gaku--yang                              | tinggalkan sahaja                             |
| 57         | 8         | Johal                                   | Johol   |
| 57         | 22        | berialan-lah                            | berjalan-lah                                  |
| 65         | 1         | Muammad                                 | Muhammad                                      |
| 65         | 12        | bersamman                               | bersamaan                                     |
| 65         | 23        | Muhammad                                | Muhammad                                      |
| 70         | 27        | mengubtai-nya                           | mengubati-nya                                 |
| 70         | 27        | nbatan <sup>2</sup>                     | ubatan <sup>2</sup>                           |
| 70         | 35        | Yang Maha oleh                          | Yang Maha Mulia oleh                          |
| 70         | 36        | kut                                     | kuat  |
| 76         | 17        | heribulan                               | haribulan                                     |
| 81         | 10        | bergelombng                             | bergelombang                                  |
| 82         | 18        | mengitiharakan                          | mengistiharkan                                |

---

---

**MUKA BARIS  
SURAT****SALAH****BETOL**

---

|     |    |                  |                        |
|-----|----|------------------|------------------------|
| 84  | 1  | menadang         | memandang              |
| 85  | 20 | pen.eangku       | pemangku               |
| 85  | 26 | Bagitu           | Baginda                |
| 85  | 29 | di-ishtiharakan  | di-ishtiharkan         |
| 86  | 24 | pda              | pada                   |
| 91  | 27 | menurunkan       | menurunkan             |
| 91  | 27 | Dtao'            | Dato'                  |
| 100 | 31 | linggi           | Linggi                 |
| 103 | 19 | Undang yang pada | Undang yang Empat pada |
| 109 | 29 | Yang Mulia       | Yang Maha Mulia        |
| 110 | 19 | Pahawan          | Pahlawan               |
| 115 | 3  | msutahak         | mustahak               |
| 115 | 24 | seceretary       | secritary              |
| 116 | 26 | perturan         | peratoran              |
| 116 | 26 | istiada          | istiadat               |
| 120 | 1  | mehanti          | menanti                |
| 122 | 24 | Undong           | Undang                 |